



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
[(Department of Malaysian Quarantine and Inspection Services (MAQIS)]
ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : 03-8870 8000/8002

Telefax : 03-8870 8056/8004

Potral <http://www.maqis.gov.my>

SIARAN MEDIA SERAHAN MAKANAN HAIWAN KEPADA ZOO NEGARA

PUTRAJAYA, 6 Mei – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menyerahkan sumbangan bekalan makanan kepada Zoo Negara berupa produk daging ayam dan kerbau sejuk beku hasil rampasan yang telah dilucuthakkan membabitkan kes dari bulan Januari sehingga Mac 2021. Penyerahan itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian (I), Datuk Seri Hj Ahmad Hamzah, di Wisma Tani hari ini.

Secara keseluruhannya, MAQIS menyumbangkan sejumlah RM78 ribu nilai rampasan iaitu 740 karton atau 9 tan ayam sejuk beku yang dianggarkan bernilai RM72 ribu dan 520 kilogram (kg) bagi daging kerbau sejuk beku dengan anggaran bernilai RM6 ribu yang datangnya dari negara India. Kesemua ayam sejuk beku ini telah ditahan semasa cuba dibawa masuk dari negara jiran ke Malaysia melalui pintu masuk Bukit Kayu Hitam Kedah, manakala bagi daging kerbau sejuk beku pula adalah dari negara India yang mana melalui pintu masuk NBCT, Pulau Pinang.

Pihak MAQIS sangat komited membantu Zoo Negara dalam memastikan bekalan makanan haiwan mencukupi selain terus memastikan isu-isu yang melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan perosak merbahaya yang boleh mengancam industri pertanian dan penternakan negara dapat dibendung serta dikawal.

Inisiatif ini juga diharap dapat membantu pihak Zoo Negara dari segi bekalan makanan haiwan supaya dapat menampung bekalan makanan di Zoo Negara.

Disediakan oleh:

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

6 Mei 2021

Pegawai Untuk Dihubungi:

Mohd Redha bin Rozlan – 017 911 0622